

Rujukan Kami : TNB(B) /PP/HEKO 14/15/1C

Tarikh : 2 Februari 2018

Pengguna-pengguna yang dihormati,

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN KADAR TARIF INDUSTRI KHAS (TIK) UNTUK TAHUN 2018 – 2020 DAN
SEMAKAN SYARAT KELAYAKAN KECEKAPAN TENAGA**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada surat Polisi Baru Tarif Industri Khas (TIK) Berkuatkuasa Selepas 1 Januari 2016 bertarikh 29 Disember 2015, surat Suruhanjaya Tenaga (ST) kepada TNB bertarikh 5 Januari 2018 dan 17 Januari 2018 berkenaan dengan perkara yang di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan telah meluluskan semakan kadar diskaun tarif TIK untuk tahun 2018 hingga 2020 seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 : Kadar Diskaun TIK Mulai 1 Januari 2018 dan Perbandingan Dengan Kadar Diskaun TIK Terdahulu

Kategori Tarif	Unit	Kadar Terkini 1-Jan-17	Kadar TIK RP2 (2018-2020)		
			1-Jan-18	1-Jan-19	1-Jan-20
Tarif Ds – Tarif Perindustrian Khas (untuk pengguna yang layak sahaja)					
Bagi semua kWj	sen/kWj	43.60	44.00	44.00	44.00
<i>Caj minimum bulanan</i>	RM	7.20	7.20	7.20	7.20
Tarif E1s – Tarif Perindustrian Khas (untuk pengguna yang layak sahaja)					
Bagi setiap kilowatt kehendak maksimum sebulan	RM/kW	28.50	29.60	29.60	29.60
Bagi semua kWj	sen/kWj	33.70	33.70	33.70	33.70
<i>Caj minimum bulanan</i>	RM	600.00	600.00	600.00	600.00
Tarif E2s – Tarif Perindustrian Khas (untuk pengguna yang layak sahaja)					
Bagi setiap kilowatt kehendak maksimum sebulan dalam tempoh puncak	RM/kW	34.30	35.50	37.00	37.00
Bagi semua kWj dalam tempoh puncak	sen/kWj	35.00	35.50	35.50	35.50
Bagi semua kWj dalam tempoh luar puncak	sen/kWj	19.90	20.60	21.90	21.90
<i>Caj minimum bulanan</i>	RM	600.00	600.00	600.00	600.00
Tarif E3s – Tarif Perindustrian Khas (untuk pengguna yang layak sahaja)					
Bagi setiap kilowatt kehendak maksimum sebulan dalam tempoh puncak	RM/kW	30.20	30.80	32.40	35.50
Bagi semua kWj dalam tempoh puncak	sen/kWj	32.90	33.60	33.70	33.70
Bagi semua kWj dalam tempoh luar puncak	sen/kWj	18.30	18.70	19.70	20.20
<i>Caj minimum bulanan</i>	RM	600.00	600.00	600.00	600.00

3. Pihak Kerajaan juga telah membuat pindaan pada syarat kecekapan tenaga dalam *Energy Efficiency Index (EEI) kWh/unit production* dalam permohonan diskaun TIK seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2 : Pindaan Pada Syarat Kecekapan Tenaga

Kelayakan Kecekapan Tenaga (Lama)	Kelayakan Kecekapan Tenaga (Pindaan Baru)
a) Surat lantikan Pengurus Tenaga Elektrik yang berdaftar	a) Surat lantikan Pengurus Tenaga Elektrik yang berdaftar
b) Pengiraan <i>baseline</i> EEI <i>kWh/unit production</i> (12 bulan)	b) Pengiraan dan penetapan <i>fixed baseline</i> EEI <i>kWh/unit production</i> (12 bulan)
c) Pelan Penjimatan Tenaga yang disahkan oleh Pengurus Tenaga Elektrik yang berdaftar	c) Pelan Penjimatan Tenaga yang disahkan oleh Pengurus Tenaga Elektrik yang berdaftar
d) Penjimatan yang dilakukan dalam <i>kWh/unit production</i> (berbanding indeks <i>kWh/unit production</i> tahun sebelumnya)	d) Untuk semakan diskaun TIK tahun berikutnya, nilai EEI terkini perlu menyamai ataupun berkurangan daripada nilai <i>fixed baseline</i> EEI
	e) Senarai inisiatif kecekapan tenaga yang dilaksanakan yang menyumbang kepada perkiraan nilai EEI di para (d) pada setiap tahun dan perlu disahkan oleh Pengurus Tenaga Elektrik berdaftar

4. Berdasarkan kepada Jadual 2 ini, *fixed baseline* EEI adalah ditetapkan pada Tahun Kewangan (TK) 2016. Oleh itu, pihak syarikat perlulah menunjukkan persamaan atau pengurangan EEI TK semasa berbanding *fixed baseline* EEI tersebut. Selain itu, terdapat keperluan maklumat tambahan iaitu senarai inisiatif kecekapan tenaga yang dilaksanakan yang menyumbang kepada perkiraan nilai EEI pada setiap tahun dan perlu disahkan oleh Pengurus Tenaga Elektrik berdaftar. Maklumat tambahan ini boleh disertakan bersama-sama dengan Laporan Kecekapan Tenaga.

5. Bagi syarikat yang mempunyai produk atau barisan pengeluaran baru, hendaklah memaklumkan dengan jelas setiap pecahan produk atau barisan pengeluaran baru tersebut di dalam Borang Appendix 2 seperti di Lampiran 1. Pihak syarikat juga hendaklah memaklumkan kepada TNB samada ingin menggabungkan EEI bagi keseluruhan produk atau tidak. Perlu diingatkan bahawa, sekiranya salah satu EEI produk tidak menunjukkan penurunan berbanding dengan *fixed baseline* EEI produk tersebut maka keseluruhan akaun syarikat yang terlibat akan tidak layak untuk mendapat TIK sepanjang tempoh permohonan.

6. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak tuan/puan untuk melengkapkan Surat Pengesahan Penerimaan di Lampiran 2 dan memajukan semula kepada TNB bagi tujuan rekod pemakluman dan penerimaan.


7. Untuk sebarang pertanyaan sila majukan emel kepada pegawai bertugas TIK seperti di bawah:

- i) Encik Amirul Hakim b. Mannan (amirul.hakim@tnb.com.my) atau
- ii) Encik Muhammad Fitri bin Ayob (mfitri.ayob@tnb.com.my) atau
- iii) Puan Nur Fathin Inani bt. Mohd Rosly (nur.fathin@tnb.com.my)

Sekian, terima kasih.

"BETTER. BRIGHTER"
"TNB MENGAMALKAN DASAR TIADA HADIAH"



Ir. Kamaliah Binti Abdul Kadir
Pengurus Besar Kanan (Perkhidmatan Pengguna)
Jabatan Perkhidmatan Pengguna
Bahagian Pembahagian, TNB 
MNMS/AM/FA

s.k. Naib Presiden (Pembahagian)
Tenaga Nasional Berhad

APPENDIX 2

Customer Name : _____
 TNB's Account No : _____
 Energy Manager : _____
 Validity of Energy Manager Certificate : _____

Main Products / Lines	Actual Electricity Consumption (kWh)/year	Actual Total Production (unit)/year	Total electricity consumption per unit products (kWh/unit) (current year)	Total electricity consumption per unit products (kWh/unit) (year 2016)
Product/Line 1 :				
Product/Line 2 :				
Product/Line 3 :				
Product/Line 4 :				
Total				
Weightage / Average				

**** Energy Manager's comments (if any):**

I/We certify that the data (direct & indirect) relating to the above premise reflect a true and fair picture of the operation.

.....
 Certified by
 Registered Electrical Energy Manager (REEM)
 (signed & stamped)

SURAT PENGESAHAN PENERIMAAN
PEMAKLUMAN KADAR TARIF INDUSTRI KHAS (TIK) UNTUK TAHUN 2018 – 2020 DAN
SEMAKAN SYARAT KELAYAKAN KECEKAPAN TENAGA

Kepada:

Pengurus Besar (Pengurusan Komersil)
Jabatan Perkhidmatan Pengguna
Bahagian Pembahagian, TNB
Tingkat 16, Wisma TNB
No. 19, Jalan Timur
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.

(u/p : Encik Amirul Hakim b. Mannan / Encik Muhammad Fitri bin Ayob /
Puan Nur Fathin Inani bt. Mohd Rosly)

Tuan/Puan,

Adalah dengan ini, pihak kami _____ (nama syarikat)
telah menerima surat pemakluman kadar baru Tarif Industri Khas (TIK) yang akan berkuatkuasa
selepas 1 Januari 2018 pada _____.

Sekian terima kasih.

Yang Benar,

()

Tarikh:

Cop Syarikat: